

## **Sasar nelayan dapat lebih RM1,000 sebulan**

PASIR PUTEH 3 Jan. - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan memastikan 300 nelayan miskin tegar di negeri ini yang menyertai Projek Penempatan Semula Nelayan mampu memperoleh pendapatan bulanan melebihi RM1,000 selepas menyertai projek tersebut.

Pengarah LKIM negeri, Wan Adnan Wan Ibrahim berkata, projek tersebut akan bermula Ogos ini di mana para peserta yang tersenarai dalam pendaftaran e-Kasih akan mendapat manfaatnya.

Beliau berkata, berdasarkan syarat ditetapkan, nelayan yang tidak mempunyai rumah dan tanah sendiri akan diberi keutamaan menyertai projek berkenaan.

Jelasnya, penduduk miskin yang tidak mempunyai pendapatan tetap melebihi RM400 sebulan dan hanya bekerja sebagai awak-awak dengan pengusaha bot tempatan turut diberi peluang menyertai projek tersebut.

"Nelayan-nelayan yang masih tidak mendaftar dengan e-Kasih boleh membuat pendaftaran mulai sekarang sama ada mereka tinggal di Tumpat, Kota Bharu, Bachok atau Pasir Puteh.

"Pendaftaran boleh dibuat di mana-mana pejabat Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) berdekatan," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Mengulas lanjut Wan Adnan berkata, bagi nelayan yang tidak mempunyai bot dan peralatan menangkap ikan akan dipertimbangkan untuk mendapatkan bantuan Kerajaan Pusat supaya mereka mampu hidup berdikari tanpa bergantung kepada pihak lain.

"Menerusi projek penempatan semula, pembangunan ekonomi yang membabitkan isteri nelayan akan turut diberi keutamaan seperti membuka peluang bekerja dengan projek-projek industri kecil dan sederhana (IKS) seperti projek fertigasi tanaman lada bagi menambah pendapatan keluarga," katanya.

Wan Adnan berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah meluluskan peruntukan sebanyak RM30 juta bagi melaksanakan projek berkenaan.